

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **Latar belakang**

Satu kesedaran di dalam bidang pendidikan pada dekad ini ialah pelajar yang dihasilkan daripada sekolah masa kini tidak lagi dapat memenuhi permintaan dunia korporat yang penuh cabaran. Reformasi pendidikan telah bermula dan berbagai pendekatan baru telah diutarakan untuk memperbaiki sistem pendidikan.

Satu anjakan adalah bagaimana mewujudkan satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan kemahiran berfikir. Strategi dan kemahiran berfikir haruslah diagih dan pindah-milik kepada pelajar agar mencapai matlamat pendidikan yang menggalakkan kemahiran berfikir.

Sejak KBSR diperkenalkan pada tahun 1983 dan KBSM pada tahun 1986<sup>7</sup>, sistem pendidikan Malaysia telah melalui beberapa penyesuaian ke arah reformasi pendidikan. Beberapa pendekatan seperti 'mastery learning', 'collaborative learning', projek dan kajian tempatan dan lain-lain telah dianjurkan. Pendekatan yang menekankan pengolahan ke atas pengetahuan memang mempunyai matlamat yang baik untuk. Akan tetapi perancangan tersebut tidak memperolehi kejayaan yang memuaskan. Setelah beberapa tahun dilaksanakan, sistem pendidikan KBSR dan KBSM seakan-akan kembali ke sistem pendidikan yang lama.

Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan telah menghalang perubahan corak pengajaran-pembelajaran. Bahagian kurikulum yang diuji dalam peperiksaan hanya menjadi tumpuan pengajaran dan pembelajaran. Kandungan kurikulum yang terlalu luas termasuk jumlah mata pelajaran yang banyak menyebabkan guru berkejar-kejar untuk menghabiskan sukatan sahaja. Kesuntukan masa untuk menjalankan aktiviti pembelajaran yang dicadangkan dalam buku kerana beban pengajaran guru dan kerja rumah pelajar terlalu berat. Pengajaran dan pembelajaran yang mementingkan penghafalan fakta-fakta sahaja. Sikap guru dan pelajar terhadap pembelajaran yang berinovasi adalah pasif. Guru tidak dilatih mengajar dalam kaedah baru. Pelajar pula meragu-ragu dan tidak yakin tentang kaedah-keadah baru. Mereka khawatir kaedah baru tersebut akan menjejaskan prestasi mereka dalam peperiksaan.

Walau pun demikian, terdapat guru-guru yang cuba membawa perubahan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satu usaha ke arah ini ialah untuk memperkembangkan kemahiran berfikir pelajar. Beberapa guru telah menerapkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran yang diajar memandangkan kandungan yang hendak disampaikan padat dan masa tidak mencukupi.

## **Pernyataan masalah**

'Modeling' merupakan satu kaedah yang berkesan dalam pengajaran sesuatu kemahiran berfikir. Menurut Beyer (1997) , kualiti pemikiran pelajar di sekolah dapat dipertingkatkan sekiranya pelajar berada dalam satu persekitaran yang menggalakkan pemikiran dan proses pemikiran itu boleh diperkatakan secara eksplisit. Guru pula ditugaskan untuk membimbing pelajar mengamalkan sesuatu kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir itu pula hendak diajar melalui sesuatu mata pelajaran.

Brazo dan Simpson (1995) telah mencadangkan beberapa garis panduan untuk mengajar strategi-strategi dalam pembelajaran. Pertama ialah untuk mencipta situasi di mana pelajar dapat memindahkan strategi berkenaan ke bidang konten yang realistik. Kedua ialah untuk meluangkan masa supaya membolehkan pelajar mengembangkan kecekapan terhadap strategi-strategi tersebut. Ketiga ialah untuk menggalakkan pelajar mengubahsuai strategi tersebut untuk menemui kehendak dan gaya pembelajaran sendiri. Keempat ialah untuk menggunakan kerja rumah untuk mengukuhkan strategi tersebut.

Kajian ini cuba memperkenalkan dan memberi 'modeling' kemahiran berfikir sebagai strategi pembelajaran mata pelajaran Geografi. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. menentukan keberkesanan pengajaran strategi berfikir dalam pembelajaran mata pelajaran Geografi.
2. mengenal-pastii pola strategi berfikir yang biasa digunakan dalam pembelajaran mata pelajaran Geografi.

3. menentukan perubahan sikap dan tabiat pembelajaran pelajar setelah diperkenalkan strategi berfikir.

### **Kepentingan kajian**

Kemahiran adalah sesuatu kecekapan atau kepandaian yang dapat dilatih dan diperbaiki. Kemahiran berfikir pula dapat diperkembangkan melalui proses yang sedar dan ekspilist.

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenal-pasti kemahiran berfikir adalah satu strategi untuk pembelajaran. Menggalakkan dan memperkembangkan kemahiran berfikir dapat memperbaiki pembelajaran dan memotivasikan pelajar.

### **Batasan kajian**

Didapati beberapa masalah semasa menjalankan kajian eksperimen. Pertama sekali , kajian berbentuk eksperimen ini dijalankan mengikut jadual waktu biasa iaitu pada sesi petang selepas pukul 1.30 petang. Keletihan pelajar telah mengganggu kesan pembelajaran mereka. Ia juga mengganggu kedatangan pelajar kerana adanya pelajar yang terpaksa menghadiri aktiviti-aktiviti lain yang ditetapkan oleh sekolah seperti pertandingan bola, pertandingan syarahan dan lain-lain.

Kajian ini telah dijalankan selama 7 minggu, setiap kali satu setengah jam. Dalam tempoh ini cuma terdapat 3 minggu iaitu empat setengah jam yang menjalankan latihan dan rawatan tentang strategi berfikir. Batasan yang kedua ialah tempoh yang singkat ini tidak dapat menjamin latihan yang berkesan. Maka ia juga akan mempengaruhi hasil kajian.

Batasan yang ketiga ialah penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Sekolah Menengah (Persendirian) Hin Hua . Sampel yang dipilih adalah daripada pelajar yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Walau pun kurikulum dwibahasa dijalankan, penguasaan bahasa Melayu adalah kurang memuaskan. Ini telah memberi rintangan kepada kajian yang dijalankan.